



Buletin

Rejab 1445/ Januari 2024

ACIS

Ibrah Perang Tabuk

Pemikiran Ibnu Khaldun
dalam Politik

E-book Pengurusan
Maklumat Islam

Kempen Solidariti Palestin

Cerita Rakyat
Menyingkap Tauladan

eISSN 2600-8289



9 77 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

Pemikiran Ibnu Khaldun dalam Politik Kenegaraan Madani

Oleh:

Dr Mohd Hidayat bin Mahadi

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Nama lengkap beliau adalah Abdurrahman Abu Zaid. Beliau lahir di Tunisia pada awal bulan Ramadan 732H bersamaan dengan tahun 1332M. Beliau meninggal dunia di Kaherah, Mesir pada 25 Ramadan 808H bersamaan dengan 1406M. Ibnu Khaldun merupakan seorang tokoh Muslim yang terkemuka dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu sosiologi, ilmu logik, ilmu matematik, teologi, astronomi, ekonomi dan juga politik. Pendidikan Ibnu Khaldun bermula sejak dari kecil lagi iaitu dengan ayahnya sendiri sebagai gurunya yang pertama. Kemudian, beliau telah mempelajari ilmu bahasa daripada beberapa orang guru seperti Abu Abdillah Muhammad Ibnu al-Arabi al-Husairi, Abu al-Abbas Ahmad Ibnu al-Qushar, dan Abu Abdillah al-Wadiyashi. Beliau juga telah menuntut ilmu Fiqh daripada Abi Abdillah Muhammad al-Jiyani, serta Abu Qassim Muhammad al-Qasir.

Ibnu Khaldun atau juga dikenali sebagai Wali al-Din (penjaga agama) banyak memberikan jasa dalam bidang politik kerana beliau telah berkecimpung dalam bidang politik serta pemerintahan selama 25 tahun di beberapa buah negara seperti di Tunisia, Maghribi dan juga Andalus sehingga tahun 138H. Sumbangan pemikiran Ibn Khaldun dalam politik boleh dilihat dalam tulisan kitabnya yang terkenal iaitu al-Muqaddimah, iaitu sebuah kitab di mana beliau banyak memberikan pandangan mengenai Khalifah Abbasiyah. Namun begitu, idea beliau di dalam buku tersebut masih sesuai dan relevan untuk digunakan sehingga ke hari ini. Melalui kitabnya itu juga, beliau telah menerangkan akan kepentingan fungsi rakyat dengan pemerintah khususnya dalam membentuk kelestarian politik sesebuah negara yang turut dibincangkan dari sudut fizikal dan juga rohani.

Menurut beliau, solidariti atau kesatuan rakyat perlu kuat dalam mendokong sesebuah negara. Dukungan rakyat terhadap pemerintah amat penting kerana tanpanya, sesebuah kerajaan itu tidak akan mampu untuk berdiri utuh. Oleh itu, sekiranya dilihat daripada aspek dunia moden, pendekatan Ibnu Khaldun ini masih digunakan khususnya bagi sebuah negara yang mengamalkan konsep demokrasi. Ini kerana tanpa sokongan dan dukungan majoriti masyarakat, maka sesebuah kerajaan itu tidak akan mampu untuk berdiri dengan stabil. Sokongan juga bukanlah sekadar dibuat ketika waktu sesebuah kerajaan itu dipilih, tetapi sokongan rakyat juga perlulah berterusan dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk membangunkan negara.

Selain itu, Ibnu Khaldun juga berpandangan bahawa kemerosotan politik juga terjadi apabila tiadanya perpaduan dan patriotisme dalam kalangan masyarakat di sesebuah negara. Beliau juga telah memberikan contoh mengenai kejatuhan empayar Islam di zamannya akibat daripada tiadanya semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat. Contoh di zaman Dinasti Abbasiyah ketika di tampuk pemerintahan Khalifah Mu'tasim, perpaduan dan patriotisme dalam kalangan orang Arab telah menjadi lemah sehingga kerajaannya terpaksa meminta perlindungan daripada bangsa asing seperti bangsa Parsi, Turki, Saljuk dan lain-lain. Ini mengakibatkan politik khilafah pada ketika itu menjadi semakin lemah dan akhirnya Kerajaan Abbasiyah dijatuhkan oleh Bani Saljuk. Hal ini telah membuktikan bahawa adalah amat penting perpaduan dalam kalangan rakyat untuk mempertahankan kestabilan politik dalam sesebuah negara.

Di samping itu, Ibn Khaldun juga turut menyatakan bahawa keutuhan sesebuah pemerintahan khalifah hanya terhasil kukuh daripada solidariti keluarga monarki tersebut. Gambaran yang diberikan oleh Ibnu Khaldun adalah berdasarkan pengamatan beliau di zamannya di mana sistem pemerintahan ketika itu adalah bersifat monarki iaitu kuasa-kuasa politik dibahagi-bahagikan mengikut keturunan serta kaum kerabat semata-mata. Beliau turut menerangkan bahawa perpecahan antara keluarga monarki akibat perebutan kuasa dan harta merupakan punca kepada berlakunya kemerosotan politik sehingga membawa kepada keruntuhan institusi khalifah. Walaupun Ibnu Khaldun menggunakan pengamatan berdasarkan pemerintahan monarki yang berlaku pada ketika itu, namun pandangan ini masih boleh disesuaikan dalam dunia moden hari ini. Contohnya dalam keadaan moden hari ini, solidariti keluarga monarki yang dicadangkan oleh Ibnu Khaldun boleh dinisbahkan dengan kesepakatan ahli politik dalam sesebuah pemerintahan kerana tanpa kerjasama ahli politik dalam pemerintahan, ia akan menyebabkan keadaan politik mengalami kejatuhan.

Ibnu Khaldun juga berpandangan bahawa solidariti golongan agama juga penting sebagai "check and balance" dalam sesebuah negara untuk membentuk kelestarian politik. Pandangan Ibnu Khaldun menekankan peranan golongan pemimpin sebagai pemerintah dan ahli agama sebagai penasihat kepada pemerintah. Hal ini disebabkan oleh pengaruh golongan agama dalam melakukan perubahan politik sesebuah masyarakat. Golongan ini hendaklah menjadi penegur kepada kerajaan seandainya berlakunya penyelewengan dan kezaliman dalam pemerintahan. Contohnya Ibnu Khaldun menceritakan bagaimana seorang ulama sufi yang bernama Abu Qasie yang mengetuai pemberontakan pemerintahan yang zalim di Sepanyol.

Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan tokoh agama dalam membentuk suasana politik ketika itu yang mengajak rakyat untuk taat kepada pemerintah semata-mata tetapi juga turut menggerakkan rakyat untuk menentang sebarang bentuk kezaliman dalam pemerintahan.

Sebagai kesimpulan, pandangan Ibnu Khaldun dapat membezakan konsep kelestarian politik menekankan hubungan rakyat dengan pemerintah. Namun begitu, peranan agama dalam sistem politik turut diambil kira. Pandangan Ibnu Khaldun membuktikan peranan agama amat penting dalam membentuk keutuhan dan kelestarian politik dalam sesebuah negara. Oleh itu, politik dan agama juga tidak boleh dipisahkan kerana kewujudan agama dalam politik dapat mewujudkan etika politik yang berakhlak serta beramanah yang dapat dijadikan sebagai faktor kekuatan politik dalam sesebuah negara.

RUJUKAN:

Ahmad Syafii Maarif. 1996. *Ibn Khaldun dalam pandangan penulis Barat dan Timur*. Jakarta: Gema Insani Press.

Ibn Khaldun. TT. *Muqaddimah*. Cairo: Dar al-Kasyaf.

Madjid Fachry. 1988. *A history of Islamic Philosophy*. New York: Columbia University Press.

Muhammad Ibn Thawit al-Tanji. 1951. *al-Ta'rif bi Ibni al-Khaldun wa Rihlatuhu Gharban wa Syaman*. Mesir: Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nasr.

Zainab. 1995. *Perkembangan pemikiran filsafat Sejarah Ibn Khaldun*. Jakarta: Pustaka Firdaus.

Zainab al-Khudairi. 1987. *Falsafah Sejarah Ibn Khaldun*. Bandung: Pustaka.